

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 AUGUST 2016

Jelmakan patriotisme sebagai sebahagian cara hidup – PM

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Semangat patriotik dalam meraikan kemerdekaan negara tidak memadai dengan sekadar mengibarkan Jalur Gemilang, menyanyikan lagu kenegaraan atau mengangkat ikrar taat setia kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

Sebaliknya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, nilai patriotik lebih daripada semua itu dan beliau rumuskan maksud sebenar patriotisme dalam tiga peringkat utama, untuk dihayati oleh setiap rakyat Malaysia.

Peringkat pertama jelas beliau, patriotisme bermaksud semua warga Malaysia perlu sentiasa berganding bahu di antara satu sama lain ke arah mencapai sebuah matlamat murni buat tanah air tercinta.

Bagi maksud itu jelas Perdana Menteri, setiap perkara yang dilakukan rakyat Malaysia, sama ada dalam konteks pekerjaan yang dijayakan atau usaha mereka untuk meningkatkan taraf hidup, tetap disifatkan sebagai bersemangat patriotik.

“Peringkat kedua adalah usaha yang kita berikan secara ikhlas untuk membantu insan yang lain. Saya berbangga ramai anak muda menceburi bidang sukarelawan melalui NGO-NGO (pertubuhan bukan kerajaan) bagi membantu golongan memerlukan.

“Peringkat ketiga pula adalah usaha serta pengorbanan dalam mempertahankan keharmonian dan kedaulatan negara tercinta, hatta pengorbanan nyawa sekalipun,” kata Najib di blognya, <https://www.najibrazak.com>, hari ini.

Berbaki 12 hari lagi Ma-



Um - 20/8/2016

Peringkat kedua adalah usaha yang kita berikan secara ikhlas untuk membantu insan yang lain. Saya berbangga ramai anak muda menceburi bidang sukarelawan melalui NGO-NGO (pertubuhan bukan kerajaan) bagi membantu golongan memerlukan.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

laysia akan menyambut Hari Kemerdekaan ke-59 dan tema sambutan kali ini kekal sebagaimana tahun lalu iaitu ‘Sehati Sejiwa’.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, pengorbanan pasukan keselamatan negara yang sentiasa diancam risiko kehilangan nyawa setiap kali bertugas melindungi pertiwi tercinta tergolong dalam peringkat ketiga patriotisme.

Kepada masyarakat pula beliau memaklumkan, orang awam juga mempunyai tanggungjawab patriotisme iaitu dengan melindungi keharmonian antara kaum agar tidak berlaku perselisihan, pergaduhan atau fitnah yang boleh merosakkan Malaysia.

“Jadi saya ingin bertanya, di manakah peringkat setiap kita dalam soal nilai patriotisme ini,” soalnya sebelum mengakhiri kenyataan.